

— Nilai kos berjumlah \$2,800 juta

# PNB labur dalam 98 syarikat

PERMODALAN Nasional Berhad (PNB) telah melabur di dalam 98 syarikat dengan nilai kos berjumlah \$2,800 juta, sehingga akhir Februari lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, pelaburan di dalam 57 dari pada syarikat tersebut telah dipindahkan kepada skim Amanah Saham Nasional (ASN) dengan nilai kos \$536 juta.

"PNB telah di-amanahkan untuk membuat pelaburan bagi kepentingan Bumiputera. Yayasan Pelaburan Bumiputera, sebagai badan induk, akan terus memastikan supaya PNB dapat meneruskan usaha mengambil alih ikuti yang dimiliki oleh agensi Kerajaan dan syarikat amanah Bumiputera yang lain.

"Hingga akhir Februari lalu, PNB telah melabur di dalam 98 syarikat, yang mana 57 darinya telah dipindahkan kepada ASN dengan nilai kos \$536 juta," jelas Perdana Menteri yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera.

Bellau berucap demikian di upacara penyampaian penyata keuntungan skim ASN di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. 26 orang pelabur yang dipilih khas bagi upacara itu, menerima penyata keuntungan masing-masing dari Perdana Menteri.

Bellau menjelaskan pencapaian matlamat penyertaan sekurang-kurangnya 18 peratus penyertaan Bumiputera dalam pemilikan saham dalam jangka masa 11 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), dapat ditingkatkan melalui skim ASN.

## KUALA LUMPUR, Sabtu

Selanjutnya, beliau berkata Kerajaan menghadkan pembelian setakat \$50,000 seorang bagi menentukan Bumiputera yang kaya tidak membolot sebahagian besar dari unit-unit saham ASN.

"Saya berharap rakyat Bumiputera akan meneruskan perjuangan untuk membaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka dengan

semangat dan usaha yang gigih.

"Skim Amanah Saham Nasional ini adalah satu usaha ke arah perpaduan kaum dan perpaduan negara," katanya.

Hadir sama di upacara itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Pengerusi PNB, Tun Ismail Mohamad Ali.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2572 .....  
No. Penerimaan ..... 317/85 .....